

## Persepsi Pelajar Bahasa Jepun Terhadap Ujian Lakon Peranan Sebagai Instrumen Penilaian

### *Perception of Japanese Language Students on Role-Play as Assessment Instrument*

**Nur Anisah Tan Abdullah<sup>1</sup>, Norhazlina Husin<sup>2</sup>, Mohd Hassan Awang Boon<sup>3</sup>, Simah Md Noor<sup>4</sup>**

<sup>1,2,3,4</sup>Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Shah Alam, Selangor

<sup>1</sup>anistan@uitm.edu.my, <sup>2</sup>norha462@uitm.edu.my, <sup>3</sup>mohdh218@uitm.edu.my, <sup>4</sup>simah@uitm.edu.my

#### *Article history:*

Received: 20 November 2020

Accepted: 18 December 2020

Published: 21 December 2020

### **Abstrak**

Lakon peranan merupakan satu teknik yang berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa ketiga. Teknik ini bukan hanya dapat membantu mencapai objektif pembelajaran malahan dapat meningkatkan minat dalam kalangan pelajar. Dalam masa yang sama juga, lakon peranan boleh dijadikan sebagai satu daripada instrumen penilaian. Satu kajian kes terhadap 253 orang pelajar yang mengikuti kursus bahasa Jepun sebagai bahasa ketiga telah dijalankan. Satu set soalan kaji selidik yang terdiri daripada tiga (3) bahagian diberikan kepada pelajar untuk (i) menilai kesediaan pelajar untuk menjalani ujian lakon peranan sebagai instrumen penilaian dalam pengajaran bahasa Jepun, (ii) menilai keberkesanannya item yang diuji dalam lakon peranan, dan (iii) memberi peluang kepada pelajar untuk memberi cadangan penambahbaikan terhadap instrumen penilaian yang dijalankan. Hasil kajian mendapati bahawa sebahagian besar pelajar bersetuju bahawa lakon peranan (i) mampu menguji kemahiran berbahasa pelajar, (ii) meningkatkan kemahiran bertutur, (iii) meningkatkan keyakinan untuk menulis dalam bahasa Jepun, (iv) membolehkan interaksi dalam bahasa Jepun dengan lebih baik, (v) meningkatkan kerjasama sesama ahli kumpulan semasa penyediaan skrip, dan (vi) sesuai dijadikan sebagai instrumen kajian. Hasil kajian juga mendapati bahawa dalam menyediakan skrip lakon peranan (i) pelajar diberi masa yang mencukupi untuk menyediakan skrip dan berlatih, (ii) perbendaharan kata yang diberikan mencukupi untuk membantu pelajar menyediakan skrip lakon peranan, (iii) pensyarah memberikan bimbingan dalam penyediaan skrip lakon peranan, (iv) silabus membantu untuk menyediakan skrip mengikut tema, dan (v) penggunaan aplikasi membantu semasa penyediaan skrip lakon peranan. Melalui kaji selidik yang dijalankan, pelajar turut memberikan beberapa cadangan penambahbaikan kepada instrumen penilaian ini.

**Kata kunci:** *lakon peranan, instrumen penilaian, bahasa Jepun, bahasa ketiga*

### *Abstract*

*Role-playing is an effective technique in teaching and learning a third language. This technique does not only help achieve learning objectives but also increase interest among students. At the same time, role-playing can be used as one of the evaluation instruments. A case study on 253 students taking Japanese as a third language course has been conducted. A set of survey questions consisting of three (3) sections is given to students to (i) assess students' readiness to undergo role-playing tests as an assessment instrument in Japanese language teaching, (ii) evaluate the effectiveness of items tested in role-playing and (iii) provide an opportunity for students to provide suggestions for improvement on the assessment instruments utilized.. The results of the study found that most students agreed that role -playing (i) is able to test students' language skills, (ii) improve speaking skills, (iii) increase confidence to write in Japanese, (iv) enable better interaction in Japanese, (v) enhance cooperation among group members during the preparation of the script, and (vi) is suitable as a research instrument. The results also found that in preparing the role-playing script (i) students are given enough time to prepare the script and practice, (ii) vocabulary given is sufficient to help students prepare the role-playing script, (iii) lecturers provide guidance in preparing the role-playing script, (iv) the syllabus helps to prepare the script according to the theme and (v) the use of the application helps in the preparation of the acting script. Through the survey conducted, students also provided some suggestions for improvement for this assessment instrument.*

**Keywords:** *role-playing, assessment instrument, Japanese, third language*

## Pengenalan

Penguasaan bahasa asing bukanlah mudah tetapi tidak mustahil. Satu faktor yang memudahkan penguasaan bahasa asing adalah kaedah dan teknik pengajarannya di dalam kelas. Terdapat banyak kaedah dan teknik yang boleh diguna pakai dalam memastikan pembelajaran bahasa asing dapat dilakukan dengan mudah. Antaranya termasuklah lakon peranan. Pengajaran bahasa Jepun sebagai bahasa asing juga menerapkan lakon peranan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Jepun sebagai bahasa ketiga. Main peranan bukan hanya dapat membantu pelajar menguasai bahasa Jepun yang dipelajari malahan ia juga dapat digunakan sebagai satu daripada instrumen penilaian oleh pensyarah. Makalah ini ditulis bagi membincangkan persepsi pelajar bahasa Jepun terhadap ujian lakon peranan sebagai instrumen penilaian.

## Pernyataan Masalah

Kementerian Pengajian Tinggi telah memperkenalkan sistem Purata Nilai Gred Kumulatif Berintegrasi (*Integrated Cumulative Grade Point Average, iCGPA*) pada tahun 2016 sebagai satu aspirasi dalam menghasilkan graduan yang holistik dan seimbang berdasarkan domain pembelajaran Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualification Agency, MQA) (Sanip S, Abdul Rahman NF, 2018). Dalam melaksanakan sistem iCGPA ini, beberapa kemahiran teras perlu dilaksanakan dalam pengajaran.

Dalam mengimplementasikan iCGPA, kursus bahasa Jepun sebagai bahasa ketiga juga tidak terkecuali. Beberapa perubahan perlu dilakukan bagi memastikan kursus bahasa Jepun juga selaras dengan keperluan dan syarat yang ditetapkan MQA. Antaranya termasuklah penilaian kursus. Sehingga ke hari ini, belum ada lagi kajian yang mengkaji instrumen penilaian kursus bahasa Jepun sebagai bahasa asing di Malaysia. Instrumen penilaian yang digunakan untuk kursus bahasa asing seeloknya dinilai juga bagi memastikan keberkesanannya terhadap pelajar dan juga pensyarah yang mengajar. Dalam konteks ini, instrumen yang dinilai adalah lakon peranan.

Lakon peranan merupakan satu daripada instrumen penilaian untuk kursus bahasa Jepun sebagai bahasa ketiga sebelum iCGPA dilaksanakan. Semua pelajar yang mengikuti kursus bahasa Jepun ketiga-tiga tahap iaitu Tahap I, Tahap II dan Tahap III perlu menjalani ujian lakon peranan sebagai sebahagian penilaian berterusan mereka. Sebelum pelaksanaan iCGPA, pelajar-pelajar diminta untuk menulis skrip, menghafal skrip yang telah disemak pensyarah, berlatih untuk lakonan mereka dan akhirnya merakamkan lakonan mereka dalam bentuk video. Pensyarah akan menilai pelajar daripada video yang dihantar.

Setelah iCGPA dilaksanakan, amalan sebelum ini masih diteruskan. Namun sedikit pembaharuan telah dilakukan berbanding sebelumnya. Sebagai penilaian, pelajar-pelajar diminta untuk melakonkan lakonan mereka di hadapan pensyarah secara langsung.

Sehubungan itu, kaji selidik ini dijalankan untuk melihat keberkesanan lakon peranan sebagai satu daripada instrumen penilaian kursus bahasa Jepun sebagai bahasa ketiga. Pelaksanaan ujian ini secara langsung dilihat sebagai satu kaedah yang bukan hanya mampu membantu pensyarah menilai kefahaman dan kemahiran pelajar, malahan ia mampu menjadi instrumen yang dapat membantu pelajar meningkatkan kemahiran mereka juga.

## **Objektif Kajian**

Kajian yang dilakukan ini bertujuan untuk:

1. menilai kesediaan pelajar untuk menjalani ujian lakon peranan sebagai instrumen penilaian dalam pengajaran bahasa Jepun
2. menilai keberkesanan item yang diuji dalam lakon peranan
3. memberi peluang kepada pelajar untuk memberi cadangan penambahbaikan terhadap instrumen penilaian

## **Kajian Literatur**

Keperluan untuk menguasai bahasa asing atau bahasa ketiga dilihat semakin meningkat dalam kalangan masyarakat Malaysia dari hari ke hari. Di universiti awam mahupun swasta, ramai pelajar mengikuti kursus bahasa asing dan bahasa ketiga sebagai persiapan untuk menghadapi realiti persaingan di alam pekerjaan kelak.

Pelbagai faedah boleh diperolehi sekiranya seseorang boleh bertutur atau membaca dalam bahasa asing. Seseorang itu dapat memahami sesebuah penulisan yang dibacanya tanpa memerlukan penterjemah. Malahan pelajar yang mempelajari bahasa asing atau bahasa ketiga juga mempunyai sudut pandangan yang berbeza daripada pelajar lain (Sakuragi, 2006).

Hal ini turut diutarakan oleh Naib Canselor UiTM, Prof Emeritus Datuk Dr Hassan Said dalam akhbar Berita Harian Online pada 14 Mac 2017 yang menyatakan bahawa penguasaan bahasa bukan saja membabitkan urusan harian tetapi juga dalam pelbagai bidang hingga ke peringkat antarabangsa. Oleh itu, penguasaan bahasa asing atau bahasa ketiga memperkembangkan idea dan pemikiran pelajar di samping meningkatkan keyakinan dan status mereka dalam kalangan masyarakat sama ada setempat mahupun antarabangsa.

Dalam memastikan pembelajaran bahasa ketiga mencapai objektif yang diharapkan, pengajaran bahasa ketiga juga perlu memainkan peranan. Dalam hal ini, pengajaran seeloknya tidak hanya bergantung kepada isi kandungan kuliah atau nota semata-mata. Penilaian yang digunakan juga perlu dipastikan bersetujuan dengan matlamat pembelajaran.

Dalam hal ini, penilaian yang bersetujuan bukan hanya dijadikan sebagai alat atau instrumen untuk memberi markah semata-mata. Instrumen penilaian yang berkesan seeloknya dapat membantu pelajar dalam pelbagai aspek pembelajaran. Satu daripada teknik yang boleh dijadikan instrumen penilaian adalah lakon peranan (role-playing).

Lakon peranan dianggap sebagai satu daripada teknik yang baik untuk memberi pendedahan kepada para pelajar untuk menguasai dan menggunakan bahasa asing yang dipelajari Fadilah (2016 : 210). Malahan lakon peranan juga boleh meningkatkan minat dalam kalangan pelajar untuk mempelajari bahasa asing atau bahasa ketiga dalam konteks situasi perbualan harian (Feng Liu & Yun Ding, 2009). Lakon peranan bukan hanya dapat digunakan untuk mengajar kosa kata dan aspek lisan malahan ia juga dapat membantu pelajar untuk berkomunikasi menggunakan bahasa yang dipelajari dengan lebih yakin. Menurut Fadilah (2016 : 210) ,

*Role play is very important in teaching speaking because it gives students an opportunity to practice communicating in different social contexts and in different social roles. In addition, it also allows students to be creative and to put themselves in another person is placed for a while.*

Melalui lakon peranan pelajar diberi peluang untuk berkomunikasi di dalam konteks sosial dan memainkan peranan sosial yang berbeza daripada kehidupan pelajar tersebut. Hal ini juga memberi peluang untuk pelajar menggunakan kreativiti masing-masing dalam melakonkan watak yang diberi.

Bokja Cho (2015: 38-39) menyatakan bahawa lakon peranan dapat memungkinkan peningkatan peluang pelajar untuk bertutur dalam bahasa asing yang dipelajari. Lakon peranan dapat melibatkan pelajar dalam komunikasi yang bermakna dan terancang. Beliau juga mengkategorikan lakon peranan kepada tiga (3) jenis iaitu:

1. **Lakon peranan berbantukan skrip sepenuhnya** (*fully scripted role-play, SRP*) yang membolehkan pelajar melakonkan peranan mereka berdasarkan skrip yang disediakan sepenuhnya. Pelajar perlu memahami dan menghafal skrip berdasarkan peranan mereka. Jenis lakon peranan ini sesuai digunakan oleh pelajar yang masih kurang mahir dalam bahasa asing yang dipelajari.

2. **Lakon peranan berbantukan skrip sebahagiannya** (*semi-scripted role-play*, SSRP) memerlukan pelajar melengkapkan sebahagian daripada skrip yang telah disediakan. Pelajar perlu mengisikan perkataan-perkataan yang sesuai di tempat kosong mengikut konteks. Lakon peranan jenis ini digunakan apabila pengajar ingin mengawal skop skrip dan penceritaan yang akan digunakan. Pelajar digalakkkan untuk mengisi tempat kosong dengan maklumat-maklumat yang sesuai yang telah mereka pelajari. Ini dapat menghasilkan skrip yang berbeza mengikut kreativiti pelajar walaupun mempunyai maklumat yang sama.
3. **Lakon peranan tanpa skrip** (*Non-scripted role-play*, NSRP) pula merupakan lakon peranan yang tidak menyediakan sebarang skrip untuk pelajar. Pelajar harus menyediakan sendiri skrip mereka berdasarkan arahan yang diberikan mengikut kreativiti kumpulan. Pelajar boleh menyampaikan buah fikiran dan pendapat serta mengguna pakai bahasa yang telah mereka pelajari. Pelajar akan melakonkan watak mengikut pemahaman mereka. Jenis *role-play* ini sangat sesuai digunakan untuk pelajar-pelajar yang mempunyai tahap pencapaian yang sederhana dan cemerlang.

Lakon peranan juga dilaksanakan dalam pembelajaran bahasa Inggeris oleh pelajar Iraq. Kajian oleh Dhea Mizhir Krebt (2017) mendapati bahawa para pelajar di Iraq yang mempelajari bahasa Inggeris dapat lebih menguasai bahasa tersebut apabila mereka menjalankan aktiviti lakon peranan. Para pelajar didapati dapat menguasai bahasa Inggeris dengan lebih baik kerana melalui lakon peranan, mereka dapat berkomunikasi menggunakan bahasa yang dipelajari sama ada secara berkumpulan atau secara berpasangan semasa latihan. Selain daripada penguasaan bahasa, pelajar juga dapat memperkenalkan kemahiran insaniah semasa aktiviti lakon peranan ini. Ini dapat dilihat melalui kerjasama yang ditunjukkan. Kajian terhadap teknik lakon peranan yang dipraktikkan dalam pengajaran bahasa Arab di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Terengganu menunjukkan bahawa teknik ini banyak membantu kemahiran komunikasi bahasa Arab para pelajar. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa teknik lakon peranan dapat membantu dalam meningkatkan kefasihan bertutur, meningkatkan keyakinan diri dan memperluaskan perbendaharaan kata (Nik Murshidah Nik Din et al, 2014).

## Metodologi

Kajian ini dijalankan melalui pendekatan kuantitatif. Dapatkan berstatistik dikumpul dan dianalisis untuk dibincangkan. Melalui pendekatan ini, satu set soalan kaji selidik telah disediakan dan diedarkan kepada 253 orang respondan yang merupakan pelajar yang mengikuti bahasa Jepun Tahap I, Tahap II dan Tahap III di sebuah universiti awam di Selangor.

Para pelajar ini terdiri daripada pelajar dari tiga gugusan iaitu (i) Gugusan Sains dan Teknologi, (ii) Gugusan Sains Sosial dan Kemanisiaan, dan (iii) Gugusan Pengurusan dan Perniagaan. Kesemua pelajar yang terlibat dalam kajian ini merupakan pelajar dari 11 buah fakulti.

Terdapat 22 soalan dalam soalan kaji selidik yang dibangunkan. Soalan-soalan ini dibahagikan kepada tiga (3) bahagian yang memerlukan responden memberi maklumat yang diperlukan, iaitu:

1. Bahagian A: Latar belakang responden
2. Bahagian B: Maklum balas responden terhadap penyediaan dan pelaksanaan ujian lakon peranan
3. Bahagian C: Cadangan untuk penambahbaikan oleh responden.

Bagi menjawab soalan Bahagian B, responden hanya perlu menjawab Ya atau Tidak bagi setiap soalan yang ditanya. Bagi Bahagian C pula, responden diminta untuk memberi cadangan untuk penambahbaikan kepada instrumen ini.

Lakon Peranan jenis ketiga (NSRO) digunakan sebagai instrumen penilaian dalam pengajaran bahasa Jepun sebagai bahasa ketiga . Pelajar diminta menulis sendiri skrip untuk lakon peranan berdasarkan syarat-syarat yang telah ditentukan.

Sebelum penilaian dilakukan, pelajar telah didedahkan dengan jenis lakon peranan yang pertama dan kedua. Pelajar menjalani latihan jenis lakon pertama melalui latihan lisan sebagaimana yang terdapat dalam buku teks. Sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran, pelajar akan diminta melakonkan semula dialog-dialog yang terdapat dalam buku teks. Pelajar diminta untuk menghayati watak yang ditugaskan serta menyebut dengan intonasi dan sebutan yang betul.

Bagi lakon peranan yang kedua pula, pelajar didedahkan melalui Ujian Simulasi I dan Ujian Simulasi II. Pada kali ini pelajar diwajibkan untuk menghafal skrip watak yang akan dilakonkan oleh mereka. Mereka perlu melengkapkan skrip yang telah diserahkan kepada mereka. Walaupun skrip asalnya sama untuk semua pelajar, tetapi semasa diuji, setiap pasangan boleh mempunyai jalan cerita yang berbeza.

Ujian Simulasi I dan Ujian Simulasi II ini dapat membantu pelajar mengurangkan rasa gementar atau takut untuk diuji dalam Ujian Simulasi III pada akhir semester. Pelajar yang menduduki ujian lakon peranan ini dapat dinilai penguasaan keempat-empat kemahiran berbahasa. Pensyarah juga dapat meneliti dan menilai perkembangan serta penguasaan bahasa pelajar dari awal mereka menerima tugasannya sehingga ke hari mereka diuji.

## Kepentingan Kajian

Kajian ini secara khusus dapat membantu Unit Bahasa Jepun dalam penyemakan semula kurikulum yang dilakukan pada tahun 2020. Dapatan kajian ini dapat digunakan sebagai satu garis panduan untuk menentukan sama ada lakon peranan sesuai untuk dijadikan instrumen penilaian atau tidak. Sekiranya sesuai untuk digunakan, adakah item yang digunakan dan diuji bersesuaian dengan hasil pembelajaran kursus atau tidak.

## Skop dan Batasan Kajian


Kajian ini hanya melibatkan para pelajar yang mendaftar kursus bahasa Jepun sebagai bahasa ketiga di sebuah universiti awam di Selangor. Kajian ini tidak melibatkan pelajar yang mendaftar kursus bahasa ketiga di universiti awam di cawangan-cawangan lain seluruh Malaysia.

Para pelajar yang terpilih tidak diwajibkan menjawab soal selidik ini kerana semasa soal selidik ini dikeluarkan, pelajar-pelajar sedang membuat persiapan untuk menyiapkan kerja kursus, pembentangan dan juga ujian berterusan semua subjek yang didaftar untuk semester ini. Oleh yang demikian, dapatan kajian hanyalah daripada lebih kurang 10% daripada jumlah sebenar pelajar yang mendaftar kursus bahasa Jepun sebagai bahasa ketiga.

## Dapatan dan Perbincangan

Kaji selidik yang melibatkan 253 orang pelajar ini melibatkan pelajar yang mengikuti kursus bahasa Jepun pada Tahap I, Tahap II dan Tahap III. Pecahan jumlah pelajar yang mengikuti kursus ini adalah sebagaimana yang ditunjukkan dalam Carta 1 berikut.

### 1. Tahap Kursus Pembelajaran




Carta 1: Pecahan Bilangan Responden Mengikuti Tahap Kursus

Seramai 47.8% responden mengikuti kursus bahasa Jepun Tahap I (TJC401), 26.1% responden mengikuti kursus bahasa Jepun Tahap II (TJC451) dan 26.1% responden mengikuti kursus bahasa Jepun Tahap III (TJC501).

## 2. Alasan Memilih Bahasa Jepun sebagai Kursus Bahasa Ketiga

Dapatkan daripada soal selidik menunjukkan bahawa 81% responden memilih kursus bahasa Jepun kerana berminat untuk mempelajari bahasa tersebut. Manakala 19% responden memaklumkan bahawa kursus bahasa asing yang ingin didaftarkan telahpun ditutup untuk pendaftaran. Dalam konteks ini, kursus bahasa Jepun sebagai bahasa ketiga adalah pilihan kedua bagi 19% responden.



Carta 2: Peratusan Sebab Memilih Bahasa Jepun sebagai Bahasa Ketiga

## 3. Ujian Lakon Peranan Menguji Kemahiran Berbahasa


Apabila ditanya tentang sama ada Ujian Lakon Peranan dapat menguji keempat-empat kemahiran berbahasa, sebahagian besar responden bersetuju bahawa Ujian Lakon Peranan dapat menguji kesemua kemahiran berbahasa mereka. Hanya 5.1% responden sahaja yang tidak bersetuju ujian ini menguji kemahiran berbahasa mereka. Ini dapat ditunjukkan dengan jelas dalam Carta 3.



Carta 3: Peratusan Ujian Lakon Peranan Menguji Kemahiran Berbahasa

#### 4. Meningkatkan keyakinan bertutur pelajar


Dapatan daripada soal selidik (Carta 4) menunjukkan bahawa lakon peranan yang dilakukan dapat meningkatkan keyakinan pelajar. Hanya 6.7% responden tidak bersetuju dengan kenyataan bahawa lakon peranan boleh meningkatkan keyakinan mereka untuk bertutur. Manakala seramai 93.3% responden menyatakan bahawa mereka lebih berkeyakinan untuk bertutur bahasa Jepun setelah melalui Ujian Lakon Peranan ini. Peratusan ini lebih tinggi jika dibandingkan dengan peratusan maklum balas responden berkaitan keyakinan menulis dalam bahasa Jepun mereka.



Carta 4: Peratusan Maklum Balas Berkaitan Peningkatan Keyakinan Bertutur dalam bahasa Jepun

#### 5. Meningkatkan keyakinan untuk menulis dalam bahasa Jepun

Apabila diajukan soalan berkaitan keyakinan untuk menulis dalam bahasa Jepun, 83.4% responden bersetuju bahawa Ujian Lakon Peranan dapat meningkatkan keyakinan mereka untuk menulis dalam bahasa Jepun. Peratusan ini lebih rendah daripada peratusan responden yang bersetuju bahawa ujian ini meningkatkan keyakinan berkomunikasi mereka. Walau bagaimanapun, Ujian Lakon Peranan masih dilihat dapat membantu pelajar dalam meningkatkan lagi keyakinan mereka untuk menulis dalam bahasa Jepun.




Carta 5: Peratusan Maklum Balas Berkaitan Peningkatan Keyakinan Menulis dalam bahasa Jepun

## 6. Membolehkan interaksi dalam bahasa Jepun dengan lebih baik

Responden turut ditanya tentang aspek interaksi melalui Ujian Lakon Peranan yang dijalankan. Sebanyak 94.5% responden bersetuju bahawa Ujian Lakon Peranan yang dilakukan membolehkan mereka untuk berinteraksi dalam bahasa Jepun dengan intonasi dan sebutan yang betul. Hanya 5.5% sahaja yang tidak bersetuju bahawa Ujian Lakon Peranan membolehkan mereka berinteraksi dengan lebih baik.

Penilaian Lakon Peranan ini membolehkan saya berinteraksi dalam bahasa Jepun dengan intonasi, sebutan yang lebih baik.

253 responses




Carta 6: Peratusan Maklum Balas Berkaitan Kebolehan Berinteraksi dengan Lebih Baik

## 7. Kerjasama Sesama Ahli Kumpulan Semasa Penyediaan Skrip

Selain daripada kemahiran berbahasa, kajian ini juga meneliti kemahiran insaniah yang boleh diperolehi atau ditingkatkan melalui lakon peranan sebagai instrumen penilaian. Ini dapat dilihat melalui Carta 7. Carta menunjukkan bahawa 94.9% responden menyatakan bahawa semua ahli kumpulan bekerjasama semasa membuat persiapan dan semasa ujian dijalankan.

Semua ahli kumpulan berkerjasama untuk menyediakan skrip Lakon Peranan ini.

253 responses




Carta 7: Peratusan Maklum Balas Berkaitan Kerjasama Sesama Ahli Kumpulan

### 8. Lakon peranan sebagai instrumen penilaian kursus

Di akhir soal selidik ini, responden juga ditanya sama ada mereka bersetuju Ujian Lakon Peranan diteruskan sebagai salah satu instrumen penilaian kursus. Seramai 239 orang (94.5%) responden bersetuju agar Ujian Lakon Peranan terus dijadikan sebagai satu daripada instrumen penilaian kursus bahasa Jepun sebagai bahasa ketiga. Hanya 5.5% responden sahaja yang tidak bersetuju Ujian Lakon Peranan diteruskan sebagai salah satu instrumen penilaian kursus. Peratusan ini ditunjukkan dalam Carta 8.

Saya setuju penilaian Lakon Peranan ini diteruskan sebagai salah satu instrumen penilaian

253 responses




Carta 8: Peratusan Maklum Balas Berkaitan Ujian Lakon Peranan Sebagai Instrumen Penilaian Kursus

### 9. Peruntukan masa yang mencukupi

Apabila ditanya tentang jumlah peruntukan masa yang diberikan, 232 orang (91.7%) responden bersetuju bahawa masa yang diperuntukkan untuk penyediaan skrip adalah mencukupi manakala 21 orang (8.3%) responden menyatakan bahawa peruntukan masa yang diberikan tidak mencukupi. Peratusan maklum balas ini dapat dilihat pada Carta 9.

Pelajar telah diberi masa yang cukup untuk menyediakan skrip lakon peranan

253 responses



Carta 9: Peratusan Maklum Balas Berkaitan Peruntukan Masa untuk Persiapan Ujian Lakon Peranan

### **10. Perbendaharaan kata mencukupi untuk menyediakan skrip**


Carta 10 menunjukkan maklum balas berkaitan perbendaharaan kata yang disediakan untuk penyediaan skrip lakon peranan. Seramai 225 orang (88.9%) responden bersetuju bahawa perbendaharaan kata yang diajar adalah mencukupi untuk mereka gunakan semasa penyediaan skrip.



Carta 10: Peratusan Maklum Balas Berkaitan Perbendaharaan Kata yang Mencukupi

### **11. Pensyarah memberikan bimbingan dalam penyediaan skrip lakon peranan**

Dapatkan kajian menunjukkan bahawa seramai 249 orang (98.4%) responden berpendapat bahawa pensyarah banyak membantu semasa penyediaan skrip lakon peranan ini. Ini dapat membuktikan bahawa dalam melaksanakan lakon peranan sebagai instrumen penilaian, pelajar tidak dibiarkan sendirian menyediakan skrip lakon peranan mereka tanpa bimbingan.




Carta 11: Peratusan Maklum Balas Berkaitan Bimbingan Pensyarah Semasa Penyediaan Skrip

### **12. Silabus membantu untuk menyediakan skrip mengikut tema**

Seramai 243 orang (96%) responden menyatakan bahawa silabus bahasa Jepun yang disediakan cukup untuk membantu mereka melakarkan sebuah skrip yang baik mengikut tema yang disediakan dalam buku teks. Hanya 4% responden tidak bersetuju dengan pernyataan sama ada silabus membantu mereka menyediakan

skrip mengikut tema yang disediakan dalam buku teks. Ini dapat dilihat melalui Carta berikut.

Silabus yang telah disediakan membolehkan saya untuk melakarkan sebuah skrip yang baik mengikut tema yang telah disediakan dalam buku teks.  
253 responses




Carta 12: Peratusan Maklum Balas Berkaitan Silabus Membantu Penyediaan Skrip mengikut Tema

### 13. Penggunaan aplikasi semasa penyediaan skrip lakonan

Seramai 137 orang (54.2%) responden menyatakan bahawa mereka menggunakan aplikasi seperti *Google Translate* semasa penyediaan skrip. Manakala 45.8% responden lagi menyatakan bahawa mereka tidak menggunakan sebarang aplikasi semasa menyediakan skrip lakon peranan mereka.

Semasa penyediaan skrip, saya telah mengguna applikasi Google Translate atau applikasi yang lain untuk membentuk ayat  
253 responses




Carta 13: Peratusan Maklum Balas Berkaitan Penggunaan Aplikasi untuk menyediakan Skrip

### 14. Cara terbaik pelaksanaan Ujian Lakon Peranan

Dalam soal selidik yang dijalankan, responden juga ditanya tentang cara terbaik pelaksanaan Ujian Lakon Peranan. 66.4% responden bersetuju untuk mengekalkan cara pelaksanaan sedia ada iaitu dilakukan di dalam kelas seperti yang dilaksanakan kini. Manakala 33.6% responden pula menyatakan bahawa ujian ini boleh dirakamkan dirakam dalam bentuk video terlebih dahulu. Peratusan ini dapat dilihat pada Carta 14 berikut.

Cara yang terbaik untuk penilaian Lakon Peranan dijalankan.  
253 responses



Carta 14: Peratusan Maklum Balas Berkaitan Cara Pelaksanaan Ujian Lakon Peranan

## Perbincangan

Dapatkan menunjukkan bahawa 81% (rujuk Carta 1) yang responden terlibat dalam kajian ini sememangnya berminat untuk mempelajari bahasa Jepun. Peratusan ini adalah sangat besar jika dibandingkan dengan 19% responden yang terpaksa memilih kursus bahasa Jepun kerana tidak boleh mendaftar kursus bahasa ketiga lain.

Dapatkan kajian ini juga menunjukkan bahawa kemahiran berbahasa didedahkan dan dapat ditingkatkan melalui Ujian Lakon Peranan yang diberikan (rujuk Carta 3). Jika diperhalusi, pendedahan ini berlaku sama ada secara langsung atau tidak sepanjang proses penyediaan skrip bagi ujian yang diberikan.

Apabila ditanya sama ada peruntukan masa yang diberikan (rujuk Carta 9) untuk menyediakan skrip dan berlatih, seramai 21 (8.3%) responden tidak bersetuju dengan peruntukan masa yang diberikan. Ini mungkin disebabkan oleh pensyarah tidak dapat menghabiskan silabus pada masa ditetapkan. Perkara ini boleh berlaku sekiranya hari kuliah kerap jatuh pada hari cuti umum atau kuliah untuk kumpulan tersebut bermula lewat daripada yang minggu dijadualkan. Walaupun kuliah diganti, ada kemungkinan silabus tamat seminggu lewat daripada kumpulan-kumpulan yang lain dan minggu penilaian adalah sama sebagaimana yang ditetapkan pada awal semester.

Dapatkan kajian mendapati bahawa terdapat responden yang mencadangkan agar pembendaharaan kata yang tidak diajar boleh digunakan juga dalam penyediaan skrip lakon peranan. Cadangan ini dilihat sangat baik dan memberi peluang kepada pelajar untuk menggunakan lebih banyak kosa kata. Ini juga secara tidak langsung dapat mengelakkan responden untuk tidak hanya bergantung kepada buku teks semata-mata.

Begin juga dengan struktur ayat yang diajar berdasarkan silabus bahasa Jepun sebagai bahasa ketiga adalah mencukupi untuk mereka menyiapkan skrip lakon peranan kumpulan masing-masing. Seperti juga perbendaharaan kata, 228 (90.1%) bersetuju bahawa struktur ayat yang diajar mencukupi untuk mereka guna pakai semasa penyediaan skrip. Dalam masa yang sama, terdapat responden yang mencadangkan agar struktur ayat selain daripada yang terdapat dalam silabus dibenarkan untuk digunakan dalam skrip lakon peranan mereka. Dalam hal ini, cadangan tersebut tidak dapat diterima atas faktor-faktor yang berikut:

1. Pelajar yang mengikuti kursus bahasa Jepun sebagai bahasa ketiga terdiri daripada pelajar yang mempunyai pelbagai latar belakang pembelajaran bahasa Jepun. Terdapat pelajar yang pernah bermastautin di Jepun. Terdapat juga pelajar yang pernah belajar bahasa Jepun di sekolah dan ada juga yang telah menghadiri program asasi ke Jepun. Perbezaan latar belakang pelajar boleh menghasilkan standard skrip yang berbeza. Sekiranya penggunaan struktur ayat tidak dikawal, maka pensyarah akan menghadapi masalah semasa penilaian dibuat kerana berkemungkinan terdapat pelajar yang tidak mempunyai latar belakang asas dalam bahasa Jepun berada dalam kumpulan yang sama dengan pelajar yang telah mempunyai latar belakang asas.
2. Selain itu, pensyarah juga akan menghadapi masalah semasa menilai pelajar-pelajar kerana skop untuk dinilai adalah berbeza dari satu kumpulan kepada satu kumpulan yang lain.
3. Penggunaan struktur ayat yang berbeza menyukarkan pensyarah untuk membezakan tahap penguasaan pelajar. Hal ini kerana wujud kemungkinan pelajar Tahap I menulis skrip yang melibatkan struktur ayat Tahap II atau Tahap III.

Selain daripada faktor struktur ayat, terdapat juga cadangan agar silabus bahasa Jepun lebih memfokus kepada perbualan harian. Dalam konteks ini, perlu difahami bahawa dalam budaya Jepun, struktur ayat yang adalah berbeza mengikut situasi komunikasi. Struktur ayat akan berbeza sekiranya penutur berkomunikasi dengan rakan sebaya berbanding apabila penutur berkomunikasi dengan mereka yang lebih tinggi kedudukannya daripada penutur.

Silabus bahasa Jepun yang disediakan adalah struktur ayat yang formal. Pelajar-pelajar dapat menggunakan struktur ayat yang sama semasa berkomunikasi dengan sesiapa sahaja. Silabus yang disusun menghasilkan ayat-ayat yang berakhir dengan imbuhan *~desu* atau *~masu*. Penggunaan imbuhan ini dalam komunikasi dapat membantu pelajar mengelakkan daripada dianggap kurang sopan ketika berkomunikasi. Oleh yang demikian, cadangan ini dilihat tidak dapat diambil kira untuk penambahbaikan.

Kajian juga menunjukkan bahawa sebanyak 54.7% responden (rujuk Carta 13) menggunakan aplikasi seperti *Google Translate* semasa menyediakan skrip lakon peranan mereka. Walau bagaimanapun, kekerapan penggunaan aplikasi ini serta tujuan penggunaan aplikasi tersebut sama ada untuk menterjemah kata atau membina ayat tidak dapat dipastikan. Dalam hal ini, dapat dikatakan bahawa aspek ini boleh dijadikan satu aspek yang perlu dikaji dengan lebih mendalam. Ini bagi memastikan pelbagai sudut pembelajaran diambil kira.

Ujian Lakon Peranan bukan hanya membantu pelajar meningkatkan keyakinan diri semata-mata. Instrumen ini juga dapat dilihat sebagai satu cara untuk para pelajar meningkatkan kemahiran bertutur dengan lebih baik. Bahkan juga pelajar dapat menggunakan intonasi dan sebutan yang betul dan lebih baik. Pemerhatian juga mendapati pelajar dapat berkomunikasi menggunakan ayat tanya dan ayat pernyata dengan intonasi yang betul dengan lebih baik. Hal ini kerana, pelajar perlu memahami dan menghayati dialog yang disediakan bagi memastikan watak yang dipegang dibawa dengan baik.

Apabila diminta untuk mencadangkan cara yang lain untuk melaksanakan ujian ini, responden memberikan 13 cadangan. Antaranya termasuklah mengekalkan konsep penilaian ini tetapi ditambah baik dengan beberapa aspek lain.

Terdapat responden yang mencadangkan agar penilaian ini dijalankan secara terbuka di hadapan khalayak yang lebih ramai sama ada dalam bentuk teater atau drama pendek. Cara ini dilihat dapat lebih meningkatkan keyakinan para pelajar untuk berkomunikasi dalam bahasa Jepun. Dalam masa yang sama cara ini juga dilihat dapat menggalakkan pelajar untuk berusaha lebih gigih bagi memastikan kejayaan persembahan drama mereka. Cadangan tersebut adalah bagus kerana berkomunikasi dalam bahasa asing memang memerlukan keyakian yang tinggi. Secara tidak langsung, pelaksanaan sebegini dapat melahirkan penutur bahasa Jepun yang lebih baik.

Walau bagaimanapun, cadangan ini mungkin akan membebankan sebahagian pelajar. Terdapat pelajar yang mungkin akan berasa malu untuk berlakon di hadapan khalayak yang ramai. Tambahan lagi latar belakang pelajar yang berbeza dalam satu kumpulan yang sama mungkin akan menyebabkan pelajar berasa rendah diri dengan kemampuan mereka untuk berbahasa Jepun. Ini secara tidak langsung akan memberi kesan kepada pencapaian pelajar tersebut.

Objektif asal penilaian ini adalah untuk menilai kemahiran berkomunikasi pelajar dalam bahasa Jepun yang mereka pelajari pada semester tersebut. Namun begitu, cadangan ini boleh diketengahkan untuk difikirkan semula. Kemungkinan bagi kumpulan-kumpulan yang cemerlang dapat disatukan untuk satu pertandingan

lakon peranan yang berpusat mengikut tahap-tahap yang sama.

Dapatkan kajian menunjukkan bahawa instrumen ini juga dapat membantu pelajar membina dan meningkatkan kemahiran insaniah dalam persediaan untuk menghadapi ujian ini. Pelajar akan bekerjasama dengan ahli kumpulan yang terdiri daripada pelajar dari pelbagai fakulti. Sikap bertolak ansur, mengambil tanggungjawab serta kepimpinan yang ada pada setiap ahli diperlukan untuk memastikan kejayaan ujian ini. Bahkan juga para pelajar dilihat dapat menajamkan lagi kemahiran sebutan mereka. Mereka dapat membunyikan sesuatu perkataan, frasa dan ayat dengan sebutan dan intonasi yang lebih baik.

Selain itu, Ujian Lakon Peranan ini juga dilihat dapat memenuhi rubrik instrumen penilaian ini. Markah kumpulan (15%) dapat dinilai dengan baik. Begitu juga markah individu (15%). Dapat disimpulkan bahawa lakon peranan boleh menjadi instrumen penilaian yang baik dan bersesuaian bagi kursus bahasa Jepun sebagai bahasa ketiga.

## Kesimpulan

Kesimpulannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa Ujian Lakon Peranan merupakan satu instrumen yang sesuai bagi kursus bahasa Jepun. Objektif pembelajaran dilihat dapat dicapai dan penilaian juga dapat dilakukan dengan berkesan. Ujian Lakon Peranan ini secara keseluruhan diterima oleh kesemua responden yang terlibat dalam soal selidik ini. Sebahagian besar responden amat bersetuju dengan kenyataan bahawa peruntukan masa yang diberikan adalah mencukupi. Penggunaan kosa kata dan pembentukan ayat yang betul juga dapat diterapkan melalui Ujian Lakon Peranan. Tambahan pula bantuan serta bimbingan daripada pensyarah kelas secara tidak langsung membantu pelajar bersedia untuk menghadapi ujian ini. Bahkan lakon peranan juga dilihat dapat meningkatkan kemahiran insaniah pelajar. Kerjasama dan sikap bertanggungjawab sesama ahli kumpulan memudahkan lagi proses pembelajaran bahasa Jepun sebagai bahasa ketiga.

Dapatkan yang menunjukkan lebih 54.2% responden bersetuju dengan kenyataan bahawa mereka menggunakan aplikasi seperti *Google Translate* agak merisaukan. Dicadangkan satu kajian akan datang perlu diadakan untuk melihat punca dan cara untuk mengatasi amalan tersebut. Cadangan agar ujian ini dilaksanakan secara terbuka di hadapan khalayak ramai juga boleh dipertimbangkan untuk kajian dan pelaksanaan pada masa hadapan.

## Rujukan

- Bokja Cho. (2015). Improving Learners' Oral Skills through Two Types of Role-play. *Scenario Journal. Volume 2015*, Issue 1, pp35-52. <http://publish.ucc.ie/scenario/2015-01/02-Cho-2015-01-en.pdf>.
- Dhea Mizhir Krebt. (2017). The Effectiveness of Role Play Techniques in Teaching Speaking for EFL College Students. *Journal of Language Teaching and Research, Vol 8, No 5, September 2017*, pp 863-870. <http://dx.doi.org/10.17507/jltr.0805.04>.
- Fadilah. (2016). Teaching Speaking by Role-play Activity. *OKARA Journal of Languages and Literature, Vol 10(2):209*, November 2016, pp 209-216. <https://10.19105/ojbs.v10i2.980>.
- Feng Liu & Yun Ding. (2009). Role-play in English Language Teaching. *Asian Social Science Journal. Vol. 5, No. 10*. October 2009, pp. 140-143. <https://10.5539/ass.v5n10p140>.
- Nik Murshidah Nik Din, et al. (2014). Keberkesanan Kaedah Main Peranan Dalam Pembelajaran Kemahiran Lisan Arab. Dalam *Prosiding Seminar Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab*. Fakulti Pengajian Islam, UKM & Fakulti Kontemporari Islam, UniSZA.  
[https://www.researchgate.net/publication/301886989\\_KEBERKESANAN\\_KAEDAH\\_MAIN\\_PERANA\\_N\\_DALAM\\_PEMBELAJARAN\\_KEMAHIRAN\\_LISAN\\_ARAB](https://www.researchgate.net/publication/301886989_KEBERKESANAN_KAEDAH_MAIN_PERANA_N_DALAM_PEMBELAJARAN_KEMAHIRAN_LISAN_ARAB).
- Sakuragi, T. (2006). The relationship between attitudes towards language study and crosscultural attitudes. *International Journal of Intercultural Relations. Vol. 30 (1)*, pp. 19-31.  
<https://doi.org/10.1016/j.ijintrel.2005.05.017>.
- Sanip S, Abdul Rahman NF. (2018). Integrated cumulative grade point average (iCGPA): benefits and challenges of implementation for the medical faculty. *Education in Medicine Journal. 2018; 10(1):69–80.*  
<https://doi.org/10.21315/eimj2018.10.1.8>.